

## KHUTBAH JUMAAT

### “BIJAK MERANCANG, KEHIDUPAN SEJAHTERA”

(14 Januari 2022M/ 11 Jamadilakhir 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَكْرَمَنَا بِخَيْرِ الْبَرِيَّةِ، وَجَعَلَهُ هَادِيًا وَنَاصِحًا لِأُمَّتِهِ  
جَامِعًا بِأَشْرَفِ مَزِيَّةٍ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
شَهَادَةً نَرْجُو بِهَا حُسْنَ النِّحْتَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ مَبْلَغُ الشَّرَائِعِ وَالْأَحْكَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَئِمَّةِ الْهُدَى وَالْأَعْلَامِ، الْمُلْحَقِينَ بِهِ فِي التَّبْجِيلِ  
وَالْإِكْرَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita sentiasa dirahmati Allah *subhanahu wata'ala* dan menjadi hamba yang disayangi-Nya dengan sentiasa mengingati-Nya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **‘Bijak Merancang, Kehidupan Sejahtera’**.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita telah berada dalam tahun baru masihi. Bertambahnya tahun bermakna usia kita turut meningkat. Sebagai manusia, pertambahan usia bukan jaminan panjangnya umur kerana kematian tidak pernah mengenal usia tua atau muda. Hayatilah firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hasyr, ayat 18-19:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ  
اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ  
أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman! bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa Yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan Segala Yang kamu kerjakan. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang Yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal Yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. mereka itulah orang-orang Yang fasik - derhaka.

Tahun lepas kita telah melalui pelbagai dugaan dan musibah yang berlaku di dalam negara. Sememangnya, peristiwa-peristiwa yang terpahat sebagai sejarah pada masa hadapan ini menuntut kepada kebersamaan dan kerjasama semua warganegara tanpa mengira latar belakang, bangsa, warna kulit dan agama.

Lihatlah, musibah yang telah berlaku baru-baru ini seperti banjir, tanah runtuh dan kebakaran rumah seharusnya menyuntik kesedaran seluruh masyarakat untuk bersama-sama menghulurkan bantuan tenaga mahupun harta demi meringankan kesusahan dan kesengsaraan mangsa-mangsa yang terjejas dengan musibah tersebut. Justeru, marilah kita turut sama menghulurkan sumbangan mengikut kemampuan kita dan merasai kesengsaraan serta kesusahan mereka yang ditimpa musibah ini.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ketibaan tahun 2022 menghendaki kita untuk mengatur langkah dan menyusun strategi ke arah yang lebih baik dan positif bermula daripada diri sendiri, keluarga mahupun organisasi. Ianya menuntut kita untuk lebih bersedia dalam aspek rohani, mental dan material. Namun, walau dengan apa cara sekalipun persediaan yang dilakukan, ingatlah bahawa kita mestilah meletakkan keyakinan kepada ketentuan Allah *subhanahu wata'ala* setelah berusaha, berdoa dan bertawakal kepada-Nya. Nilaikan kembali kelemahan dan kekurangan diri seperti sikap malas, pentingkan diri sendiri, bersangka buruk dan lain-lain. Berazamlah untuk berubah menjadi insan yang bertanggungjawab, rajin berusaha, mengambil berat

terhadap orang lain dan berdaya saing untuk memacu kecemerlangan diri, keluarga dan organisasi ke arah kehidupan yang sejahtera dan makmur.

Mimbar ingin mengingatkan bahawa kita perlu bersedia untuk mengharungi tahun baru dengan membuat perancangan yang baik terutama di dalam aspek pengurusan kewangan. Dalam suasana ekonomi tidak menentu dan kos sara hidup semakin meningkat, pedoman agama mesti dijadikan panduan. Kegagalan kita mengurus perbelanjaan akan memberi kesan yang sangat besar kepada keluarga. Suami isteri terpaksa berkerja lebih masa dan terpaksa melakukan pelbagai kerja sambilan untuk menampung keperluan hidup, anak-anak terlepas peluang untuk belajar dengan baik, hutang semakin bertambah dan akhirnya ia turut memberi tekanan mental dan fizikal diri sendiri dan ahli keluarga.

Justeru, dalam memastikan kita dapat membuat perancangan yang baik dalam pengurusan kewangan, kita mestilah mengenal pasti tahap keperluan perbelanjaan berpandukan kepada tiga tahap, sama ada dharuriyyat (keperluan asas), hajiyat (keperluan pelengkap) atau tahsiniyat (kemewahan). Sewaktu dalam kesempitan sumber kewangan, dharuriyyat adalah keperluan asas yang mesti diusahakan dan disempurnakan kerana ia adalah asas kelangsungan hidup yang merangkumi keperluan makan minum, tempat tinggal, kesihatan dan pendidikan. Setelah ia terjamin sempurna, barulah perbelanjaan diunjurkan kepada perkara-perkara hajiyat dan tahsiniyat.

Oleh itu, kita mestilah mengetahui tahap kemampuan kewangan sebelum berbelanja. Terapkan dalam diri anak-anak dan isteri bahawa pengurusan kewangan adalah tanggungjawab bersama dan perlu mengutamakan keperluan daripada kehendak demi menjamin kesejahteraan hidup. Ingatlah bahawa di samping berbelanja, amalan menabung sangat penting untuk kegunaan di masa kecemasan, pembelian aset dan sebagainya. Justeru, sebaik menerima gaji bulanan atau apa juga sumber pendapatan, peruntukkan nisbah tertentu seperti sekurang-kurangnya sepuluh peratus daripadanya sebagai simpanan sebelum ia dibelanjakan.

Mimbar mengingatkan bahawa kaedah perbelanjaan yang baik ialah apabila ia dapat memenuhi keseimbangan antara kepuasan material dan kerohanian. Allah *subhanahu wata'ala* telah mengingatkan kita supaya menjauhi sikap boros dan bakhil. Berhemah dalam berbelanja adalah pengurusan kewangan yang akan menjamin kesejahteraan kehidupan. Sebaliknya berbelanja tanpa perancangan boleh mencampakkan diri kita kepada pembaziran harta dan kesempitan hidup.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar mengambil kesempatan di awal tahun ini, marilah kita perbanyakkan muhasabah bukan hanya sekadar mengingati dan menilai kelemahan serta dosa-dosa yang telah dilakukan, kerana hakikat muhasabah juga adalah memaksa diri untuk kembali taat melaksanakan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi segala larangan-Nya. Inilah pelaburan kita di dunia ini

bagi memperoleh ganjaran syurga di akhirat kelak. Renungkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi *rahimahullah*, daripada Syaddad bin Aus *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

*“Orang yang bijak adalah orang yang bermuhasabah tentang dirinya (sebelum dihisab pada akhirat kelak) dan beramal untuk kehidupan sesudah mati. Sedangkan orang yang lemah adalah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah.”*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini antaranya ialah:

**Pertama** : Binalah strategi untuk berubah ke arah yang lebih baik dan positif bermula daripada diri sendiri, keluarga mahupun organisasi dan letakkan keyakinan kepada ketentuan Allah *subhanahu wata'ala* setelah berusaha, berdoa dan bertawakal kepada-Nya.

**Kedua** : Pengurusan kewangan yang baik dan perbelanjaan secara berhemah akan menjamin kehidupan yang diberkati dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

**Ketiga** : Perbanyakkan muhasabah bukan hanya sekadar mengingati dan menilai kelemahan serta dosa-dosa yang telah dilakukan bahkan dengan memaksa diri untuk kembali taat

melaksanakan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi segala larangan-Nya.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Fussilat, ayat 46:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

**Maksudnya :** Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambanya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon



keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan.

Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.

